



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 3 TAHUN 2024

BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BELANJAWAN TAHUN 2025 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SEMBILAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Belanjawan Tahun 2025 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan selaras dengan Pembentangan Belanjawan 2025 Kerajaan Negeri Sembilan yang diumumkan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 22 November 2024 (Jumaat).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya BKK Belanjawan Tahun 2025 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Kadar BKK Belanjawan Tahun 2025 yang ditetapkan adalah sebanyak **dua (2) bulan gaji** yang akan dibayar sebanyak **dua (2) kali** iaitu **pada bulan Januari 2025** dan **bulan Mac 2025**.

PELAKSANAAN

3. Tarikh pembayaran BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah seperti berikut:
- Bayaran kali pertama pada **tarikh pembayaran gaji bulan Januari 2025** dengan kadar **satu (1) bulan gaji**; dan
 - Bayaran kali kedua pada **tarikh pembayaran gaji bulan Mac 2025** dengan kadar **satu (1) bulan gaji**.

PEGAWAI YANG LAYAK

4. Pegawai yang layak dibayar BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah seperti berikut:

- a. Pegawai lantikan tetap, di bawah waran perjawatan negeri, lantikan sementara, *Contract Of Service (COS)* dan *Contract For Service (CFS)*;
- b. Pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2024;
- c. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya tetapi tidak sepanjang tahun 2024;
- d. Pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya; dan
- e. Pegawai yang telah bersara/ meninggal dunia pada tahun 2024.

5. BKK Belanjawan Tahun 2025 sebanyak dua (2) bulan gaji dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2024.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

6. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah seperti berikut:

- a. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tahun 2024;
- b. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2024;
- c. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2024;
- d. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 kecuali bagi hukuman amaran sahaja; dan
- e. Pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2024.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK Belanjawan Tahun 2025. Pegawai hanya layak dibayar BKK Belanjawan Tahun 2025 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

SYARAT PEMBAYARAN

8. Pembayaran BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah berdasarkan perkara berikut:

- a. Gaji pokok bulan Disember 2024 bagi pegawai yang menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA);
- b. Gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2024 semasa berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan (bagi pegawai yang telah bertukar keluar); dan
- c. Gaji pokok pada bulan Disember 2024 berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) bagi pegawai yang tidak menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

9. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan BKK Belanjawan Tahun 2025, "gaji" adalah bermaksud seperti berikut:

- a. Gaji pokok/ bayaran perkhidmatan;
- b. Gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. Gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara; dan
- d. Separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji.

10. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat dalam tahun 2024 tetapi tidak sepanjang tahun layak dibayar BKK Belanjawan Tahun 2025 secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

KAEDAH PENGIRAAN

11. Kaedah pengiraan BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah seperti di Lampiran A.

JABATAN YANG MEMBAYAR

12. Pembayaran BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

13. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia atau bertukar keluar daripada Kerajaan Negeri dalam tahun 2024, bayaran BKK Belanjawan Tahun 2025 adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

14. BKK Belanjawan Tahun 2025 ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2024. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2024 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025.

TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN


16. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

24 Disember 2024

Lampiran A

**CONTOH PENGIRAAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BELANJAWAN TAHUN 2025**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baharu

Puan Intan telah dilantik sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 pada 1 April 2024 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,353.00. Pegawai telah menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1 dan gaji pegawai pada bulan Disember 2024 ialah RM1,593.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM1,593.00+RM1,593.00) = RM3,186.00	275 hari

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM3,186.00} \times \frac{275}{366}$$

$$= \text{RM2,393.85}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM1,593.00	RM800.85

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2024 hingga 31 Disember 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baharu

Encik Falah telah dilantik sebagai Penolong Jurutera Gred JA29 pada 25 November 2024 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00. Pegawai telah menerima opsyen SSPA sebagai Penolong Jurutera Gred JA5 dan gaji pegawai pada bulan Disember 2024 ialah RM3,118.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,118.00+RM3,118.00) = RM6,236.00	37 hari

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM6,263.00} \times \frac{37}{366}$$

$$= \text{RM630.41}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM630.41	TIADA

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 37 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 November 2024 hingga 31 Disember 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2024

Puan Suri yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS41 telah diluluskan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2024 hingga 30 April 2024. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2024. Pegawai telah menerima opsyen SSPA sebagai Pegawai Syariah Gred LS9 dan gaji pegawai pada bulan Disember 2024 ialah RM3,583.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat	Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG)
(RM3,583.00+RM3,583.00) = RM7,166.00	336 hari	30 hari

$$\begin{aligned}
 &= \left\{ \text{Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{366} \right\} + \left\{ \frac{1}{2} \times \text{Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{\text{bil hari CSG}}{366} \right\} \\
 &= \left\{ \text{RM7,166.00} \times \frac{336}{366} \right\} + \left\{ \text{RM3,583.00} \times \frac{30}{366} \right\} \\
 &= \text{RM6,578.62} + \text{RM293.68} \\
 &= \text{RM6,872.30}
 \end{aligned}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM3,583.00	RM3,289.30

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 336 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 31 Mac 2024 dan 1 Mei hingga 31 Disember 2024.

^c 30 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2024 hingga 30 April 2024

^d 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Haikal yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 telah dikeluarkan pada 15 Ogos 2024. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 November 2024. Gaji pegawai pada Disember 2024 adalah sebanyak RM1,731.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025 sebanyak dua (2) bulan gaji kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 November 2024.

Hanya pegawai yang dikenakan tindakan **amaran** sahaja **layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025.

Contoh 5: Pegawai Yang Telah Dikeluarkan Surat Pertuduhan

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Hamzah yang berkhidmat sebagai Pembantu Khidmat Am Gred H1 telah dikeluarkan pada 10 Disember 2024. Walau bagaimanapun kes beliau masih belum dibawa bersidang oleh Lembaga Tatatertib. Gaji pegawai pada bulan Disember 2024 adalah sebanyak RM2,053.00

Pegawai **ditangguhkan** bayaran Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025 sehingga keputusan Lembaga Tatatertib dikeluarkan. Bergantung kepada keputusan tersebut, BKK akan hanya boleh dibayar kepada pegawai jika tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau tindakan amaran sahaja.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025.

Contoh 6: Pegawai bertukar masuk dari Jabatan Persekutuan/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Badan Berkanun Negeri (BBN)

Puan Sofea telah bertukar masuk dari JAKIM Malaysia ke JHEAINS sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 mulai 1 Ogos 2024. Pegawai telah menerima opsyen SSPA sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S9 dan gaji pegawai pada bulan Disember 2024 ialah RM3,594.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2024

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,594.00 + RM3,594.00) = RM7,188.00	153 hari

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM7,188.00} \times \frac{153}{366}$$

$$= \text{RM3,004.81}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM3,004.81	TIADA

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 153 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Ogos 2024 hingga 31 Disember 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 7: Pegawai Bertukar Keluar Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun Negeri

Encik Shazwan Aiman berjawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 telah bertukar keluar dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan ke Kementerian Kerja Raya, Malaysia mulai 23 Julai 2024 dengan gaji terakhir yang dibayar sebanyak RM1,980.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Akhir 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM1,980.00 + RM1,980.00) = RM3,960.00	204

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Akhir 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM3,960.00} \times \frac{204}{366}$$

$$= \text{RM2,207.21}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM2,207.21	TIADA

Dibayar sekali sahaja kerana telah keluar dari sistem gaji.

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji akhir 2024

^b 204 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2024 hingga 22 Julai 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 8 : Pegawai Yang Telah Disahkan Kenaikan Pangkat

Encik Fattah Amin telah disahkan kenaikan pangkat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 berkuat kuasa mulai 1 Mei 2024 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2024. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred M44 adalah RM3,512.45. Pegawai telah menerima opsyen SSPA sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M10 dan gaji pegawai pada bulan Disember 2024 ialah RM3,793.44.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,793.44 + RM3,793.44) = RM7,586.88	121 hari (gred lama)
	245 hari (gred baru)
	366 hari

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM7,586.88} \times \frac{366}{366}$$

$$= \text{RM7,586.88}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM3,793.44	RM3,793.44

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 366 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 9 : Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat Secara Pemangkuan

Puan Fazura telah dinaikkan pangkat secara pemangkuan sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2024 dan belum menerima Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat. Pegawai telah menerima opsyen SSPA sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F10 dan gaji yang diterima pegawai pada bulan Disember 2024 di Gred F9 ialah RM3,890.00 dan Elaun Memangku RM250.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024 (Tanpa Pemangkuan)	Bilangan hari berkhidmat (Tanpa Pemangkuan)	Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024 (Dengan Pemangkuan)	Bilangan hari berkhidmat (Dengan Pemangkuan)
(RM3,890.00 + RM3,890.00) = RM7,780.00	274	(RM3,890.00 + RM250.00) + (RM3,890.00 + RM250.00) = RM8,280.00	92

$$\begin{aligned}
 &= \left\{ \text{Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right\} + \left\{ \text{Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right\} \\
 &= \left\{ \text{RM7,780.00} \times \frac{274}{366} \right\} + \left\{ \text{RM8,280.00} \times \frac{92}{366} \right\} \\
 &= \text{RM5,824.37} + \text{RM2,081.31} \\
 &= \text{RM7,905.68}
 \end{aligned}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025)	BAYARAN KEDUA (MAC 2025)
* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM4,140.00	RM3,765.68

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024 (Gaji Pokok)

^b 274 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024

^c Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024 (Gaji Pokok + Elaun Memangku)

^d 92 hari - Bilangan hari dari 1 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024

^e 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 10 : Pegawai Yang Diluluskan Pertukaran Secara Peminjaman / Pertukaran Sementara

Puan Juliana yang berkhidmat sebagai Jurutera Awam Gred J48 dari Kementerian Kerja Raya, Malaysia telah dipinjamkan ke Badan Kawal Selia Air dari 1 Jun 2024 hingga 31 Mei 2025. Pegawai telah memilih opsyen SSPA sebagai Jurutera Awam Gred J12 dan gaji pegawai pada bulan Disember yang diterima adalah RM5,936.00 termasuk Insentif Peminjaman.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM5,936.00 + RM5,936.00) = RM11,872.00 (termasuk Insentif Peminjaman)	214

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM11,872.00} \times \frac{214}{366}$$

$$= \text{RM6,941.55}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM5,936.00	RM1,005.55

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024 (Gaji pokok + Insentif Peminjaman)

^b 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2024 hingga 31 Disember 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 11 : Pegawai Yang Bersara Pada Tahun 2024

Encik Azwan yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W26 telah bersara wajib pada 10 September 2024. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Akhir 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,497.00 + RM3,497.00) = RM6,994.00	253

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \quad \times \quad {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM6,994.00} \times \frac{253}{366}$$

$$= \text{RM4,834.65}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025)	BAYARAN KEDUA (MAC 2025)
* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM4,834.65	TIADA

Dibayar sekali sahaja kerana telah keluar daripada sistem gaji.

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji akhir Tahun 2024

^b 253 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2024 hingga 9 September 2024

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

CONTOH 12 : Pegawai Yang Meninggal Dunia Pada Tahun 2024

Puan Jamilah yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 15 Januari 2024. Gaji terakhir pegawai adalah RM5,760.00.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan Belanjawan Tahun 2025 sebanyak dua (2) bulan gaji kerana tidak cukup perkhidmatannya sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2024.

Contoh 13: Pekerja Sambilan Harian (PSH)

Encik Zamarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2024 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2024 hingga 31 Januari 2025.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	22	1,584.00
September	21	1,512.00
Oktober	19	1,368.00
November	20	1,440.00
Disember	21	1,512.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji purata 2024	Bilangan bulan berkhidmat
(RM1,483.20 + RM1,483.20) = RM2,966.40	5

$$= {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Akhir Purata Tahun 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 12}$$

$$= \text{RM2,966.40} \times \frac{5}{12}$$

$$= \text{RM1,236.00}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM1,236.00	TIADA

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji purata

^b 5 bulan - Bilangan bulan berkhidmat dari bulan Ogos hingga Disember 2024

^c 12 bulan – Bilangan bulan dari bulan Januari hingga Disember 2024

Contoh 14: Pegawai Bertukar Masuk dan Mengambil Cuti Separuh Gaji

Encik Zul Ariffin yang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia telah bertukar masuk ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 1 November 2024. Selanjutnya pegawai telah diluluskan Cuti Separuh Gaji Atas Sebab Kesihatan Sanak Saudara Rapat dari 1 Disember 2024 hingga 31 Mac 2025. Pegawai telah memilih opsi SSPA sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M12 dan gaji pada bulan Disember yang diterima adalah sebanyak RM4,648.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Disember 2024	Bilangan hari berkhidmat	Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG)
(RM4,648.00 + RM4,648.00) = RM9,296.00	30 hari	31 hari

$$\begin{aligned}
 &= \left\{ {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{{}^b \text{ bil hari berkhidmat}}{{}^d 366} \right\} + \left\{ \frac{1}{2} \times {}^a \text{ Dua (2) bulan Gaji Disember 2024} \times \frac{{}^c \text{ bil hari CSG}}{{}^d 366} \right\} \\
 &= \left\{ \text{RM9,296.00} \times \frac{30}{366} \right\} + \left\{ \text{RM4,648.00} \times \frac{31}{366} \right\} \\
 &= \text{RM761.96} + \text{RM393.68} \\
 &= \text{RM1,155.64}
 \end{aligned}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	BAYARAN KEDUA (MAC 2025) * bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM1,155.64	TIADA

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 November hingga 30 November 2024

^c 31 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024

^d 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 15: Pegawai yang dilucut hak emolumen kerana tidak hadir bertugas tanpa kebenaran/cuti

Gaji bulan Disember 2024 yang diterima oleh Encik Syamsul Yusof, jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT29 adalah RM2,890.00. Untuk tahun 2024, beliau tidak menerima opsyen SSPA dan telah dilucut hak emolumen kerana tidak hadir bertugas tanpa kebenaran dan tanpa cuti bagi tempoh seperti berikut:

MAKLUMAT TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA KEBENARAN/ CUTI		
BULAN	TARIKH	BILANGAN HARI
Ogos	18/8/2024	1
September	6/9/2024 22/9/2024	2
November	30/11/2024	1
Disember	1/12/2024 hingga 31/12/2024	31

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK BELANJAWAN TAHUN 2025

Pengiraan dua (2) bulan Gaji Akhir 2024	Bilangan hari berkhidmat
(RM2,890.00 + RM2,890.00) = RM5,780.00	331 hari (366 hari – 35 hari)

$$= {}^a \text{ Dua bulan Gaji Akhir 2024 } \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366}$$

$$= \text{RM5,780.00} \times \frac{331}{366}$$

$$= \text{RM5,227.26}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (JANUARI 2025)	BAYARAN KEDUA (MAC 2025)
* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki	* bersamaan sebulan gaji atau kadar kelayakan prorata atau baki
RM2,890.00	RM2,337.26

^a Ketetapan dua (2) bulan gaji Disember 2024

^b 331 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024

^d 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji